

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT (JERAI)

TARIKH : 30 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT (JERAI) minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi mengurangkan beban tugas yang dihadapi oleh Ketua Panitia Sekolah di seluruh negara agar mereka dapat memberi fokus kepada peningkatan profesionalisme guru dan program peningkatan prestasi murid.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) prihatin terhadap beban tugas guru dan sentiasa mencari kaedah terbaik bagi mengatasi perkara ini di sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tugas yang dilaksanakan oleh Ketua Panitia Sekolah adalah merangkumi hal ehwal pengurusan serta pentadbiran panitia mata pelajaran. Selain itu, ketua panitia juga turut melaksanakan tugas pengajaran dan pembelajaran mengikut opsyen masing-masing. Dalam hal ini, pihak sekolah diberi autonomi untuk menguruskan dokumen panitia seperti fail-fail yang boleh disimpan dalam bentuk salinan digital (*soft copy*) atau salinan keras (*hard copy*). Ini bagi memastikan pengurusan panitia di sekolah menjadi lebih efisien dan dapat mengurangkan beban tugas ketua panitia di sekolah. Walau bagaimanapun, jawatan ketua panitia di sekolah bukanlah jawatan hakiki dan boleh dilantik oleh pentadbir sekolah secara penggiliran dalam kalangan guru-guru bagi opsyen mata pelajaran berkenaan.

KPM akan terus memastikan beban tugas guru diberikan perhatian dengan mengambil langkah yang berkesan dalam usaha untuk meningkatkan profesionalisme guru dan prestasi murid.

KPM komited dalam memastikan semua guru dapat memberi fokus kepada peningkatan profesionalisme guru dan program peningkatan prestasi murid.